

Projek pembinaan stesen MRT bukan punca banjir kilat

KUALA LUMPUR 8 Julai - Banjir kilat dan lumpur yang menenggelamkan Jalan Petaling dan Jalan Sultan baru-baru ini bukan berpunca daripada kerja-kerja pembinaan di tapak binaan Stesen MRT Merdeka dan Stesen MRT Pasar Seni.

Ini berikutan kedua-dua stesen tersebut kini memasuki peringkat pembinaan konkrit dan bangunan berbanding kerja-kerja penolakan tanah yang lazimnya menjadi punca banjir kilat dan lumpur setiap kali hujan lebat.

Pengarah Perhubungan Awam dan Komunikasi Strategik Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.), Amir Mahmood Razak berkata, dakwaan orang ramai tersebut tidak benar kerana kedua-dua stesen mempunyai sistem kawalan atau tebatan banjir yang sangat efisien dan berfungsi dengan baik.

“Kita ambil berat dakwaan tersebut kerana kita juga kesal dengan kejadian banjir tersebut yang telah menyebabkan para peniaga khususnya di Jalan Petaling mengalami kerugian besar.

“Bagaimanapun, setelah disiasat didapati punca banjir berkenaan bukan dari dua tapak projek kami sebaliknya disebabkan tanah-tanah dan lumpur dari dua buah tapak

projek mega untuk pembinaan dua buah premis bangunan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan bersama media di tapak Stesen MRT Merdeka dan Stesen MRT Pasar Seni bagi melihat sendiri mengenai sistem pengairan dan kawalan banjir di kedua-dua buah stesen tersebut.

Amir Mahmood berkata, kedudukan muka bumi di kedua-dua buah stesen itu agak tinggi dan terletak berhampiran dengan dua batang sungai iaitu Sungai Klang dan Sungai Kerayong sekali gus membolehkan air banjir dialirkan terus ke sungai-sungai tersebut.

“Selain itu, air yang dialir keluar ke sungai itu merupakan air yang telah diproses sehingga jernih oleh sistem rawatan air yang terdapat di kedua-dua buah stesen,” katanya.

Menurutnya, semasa kejadian banjir kilat pada April dan Mei lalu, parit dan longkang di Jalan Sultan tersekat oleh timbunan keladak dan lumpur menyebabkan air melimpah dan menjadi punca banjir kilat.

“Lumpur dan tanah tersebut sepatutnya dibersihkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) supaya tidak lagi menjadi punca banjir kilat pada masa akan datang,” katanya.



AMIR MAHMOOD RAZAK

SEKUMPULAN petugas media dibawa meninjau tapak projek Stesen MRT Merdeka di Jalan Hang Jebat, Kuala Lumpur semalam.
- UTUSAN/AZLAN HADI ABU BAKAR